

21/07/1998

Parut belum hilang, hati dilukai lagi

Nadzim Ahmad Jamalludin

HUBUNGAN Malaysia dan Singapura memang menarik tidak kira dari segi politik, ekonomi dan sosial. Hubungan antara dua negara ini sentiasa `dipanaskan' dengan isu dan insiden yang walaupun dianggap kecil, tetapi boleh memberi kesan mendalam jika tidak ditangani dengan wajar.

Tanggal 27 Januari 1997 masih segar di ingatan rakyat Malaysia hubungan Malaysia-Singapura yang terjalin sejak sekian lama menjadi tegang semata-mata disebabkan satu kenyataan yang disifatkan sebagai tidak wajar dikeluarkan oleh seorang bekas pemimpin disegani.

Kenyataan itu dibuat oleh Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang menghina Johor dalam afidavitnya di Mahkamah Singapura ketika menyaman seorang pemimpin pembangkang republik itu, Tang Liang Hong. Antara lain, afidavit itu menyebut Johor sebagai negeri tidak selamat kerana terkenal dengan kejadian tembak-menembak, samun dan rampas kereta.

Kenyataan itu mendapat pelbagai reaksi daripada individu, pertubuhan dan badan bukan kerajaan negara ini. Malah pungutan suara secara bersama oleh majalah Far Eastern Economic Review dan Asian Business News (ABN), sebuah perkhidmatan televisyen perniagaan terhadap kalangan pemimpin korporat di 10 negara Asia, juga menunjukkan 79.9 peratus bersetuju bahawa Lee tidak berhak menyifatkan Johor sebagai `terkenal dengan tembak-menembak, rompakan dan curi kereta'.

Kemuncak kepada ketegangan hubungan dua negara itu ialah apabila mesyuarat mingguan Kabinet dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 26 Mac 1997, membuat keputusan untuk menanggung semua urusan dua hala baru dengan Singapura.

Isu itu bagaimanapun reda selepas Malaysia menerima permohonan maaf Lee, tetapi menegaskan pemulihan semula hubungan kedua-dua negara ke tahap sebelum ini akan mengambil masa. Malah, mesyuarat Kabinet yang membincangkan isu Lee berpendapat tindakan bekas Perdana Menteri Singapura itu benar-benar menyinggung perasaan semua lapisan rakyat Malaysia.

Mungkin ada yang berpendapat Malaysia terlalu emosi dalam hal itu kerana beranggapan sudah menjadi lumrah, sebaik manapun hubungan yang terjalin, perbezaan pendapat antara dua negara memang tidak dapat dielakkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah berkata, bahawa beliau tidak melihat sebarang masalah besar berhubung isu itu kerana memang lumrah bagi negara yang berjiran ada perbezaan tertentu dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan menganggap isu itu sudah selesai, tetapi `luka di hati mengambil masa untuk sembuh'. "Terpulang kepada masa untuk memulihkan hubungan Malaysia dan Singapura," katanya.

Rasional daripada kenyataan Perdana Menteri itu ialah sebagai sebuah negara bukan saja berjiran malah mendapat faedah bersama daripada hubungan yang terjalin, Singapura perlu sensitif terhadap apa juga dilakukannya.

Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh memberi kesan kepada hubungan dua hala, membawa implikasi lebih buruk. Dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali untuk memastikan hubungan sedia ada terus dipelihara dengan sebaik mungkin.

Tetapi apa yang menjadi persoalan ialah hanya Malaysia saja seolah-olah mahu menjaga hubungannya, sedangkan di pihak Singapura, ada saja perkara yang dibangkitkan atau perbuatan dilakukan hingga `mengecilkan hati' Malaysia walaupun tidak disedari.

Jika hendak disenaraikan semua, pasti tidak mungkin. Tetapi antara perkara boleh menjadi renungan bersama ialah tindakan kerajaan Singapura mengenakan bayaran kepada setiap kenderaan yang ingin keluar dari republik itu melalui Pusat Pemeriksaan Imigresen dan Kastam Singapura di Woodlands hanya beberapa hari selepas pembukaan Laluan Kedua menghubungkan Tanjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura, awal tahun ini.

Walaupun bayaran yang dikenakan dianggap kecil, ia lebih disifatkan sebagai tindakan kerajaan Singapura berikutan Laluan Kedua yang mengenakan kadar tol yang tinggi.

Reda saja isu bayaran itu, timbul pula isu kesesakan jalan raya di republik itu. Kali ini, media negara itu tidak henti-henti menyiarkan kesesakan yang didakwa berpunca daripada tindakan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Cawangan Johor melakukan pemeriksaan ketat terhadap kenderaan berat terutama lori, sedangkan keadaan yang sebenar adalah sebaliknya.

Paling baru isu membabitkan Malaysia-Singapura ialah apabila pada 29 Jun lalu, Menteri Luar Singapura, Prof S Jayakumar mengumumkan semua pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) akan dibuat di kemudahan CIQ baru di Woodlands mulai 1 Ogos ini dan bukannya di Stesen Tanjung Pagar.

Jayakumar yang mengesahkan perkara itu di sidang Parlimen Singapura, berkata Malaysia sudah dimaklumkan berulang kali berhubung keputusan itu sejak 1989 lagi.

Berikutan keputusan itu, timbul pelbagai persoalan mengenai nasib dan masa depan stesen Tanjung Pagar. Isu utama yang wujud kini ialah sama ada tindakan Singapura memindahkan pusat pemeriksaan imigresen serta kastam itu akan menyebabkan KTM 'terpaksa' menjual tanah miliknya di Tanjung Pagar disebabkan tidak mempunyai kepentingan lagi.

Sebelum ini, kerajaan Singapura berpendapat tanah milik KTMB di Tanjung Pagar harus diserahkan balik kepada Singapura apabila KTMB berpindah dari Tanjung Pagar.

Kerajaan Singapura dilaporkan mahu mengambil semula tanah berkenaan untuk tujuan pembangunan.

Ia dijangka membabitkan kawasan seluas 200 hektar sekitar stesen Tanjung Pagar, Keppel Road serta kawasan rizab KTMB sepanjang 21 kilometer dari stesen berkenaan ke stesen kecil Bukit Timah.

Tanah KTMB itu terletak di kawasan pusat perdagangan yang strategik dan tinggi nilainya serta berhampiran pelabuhan Singapura adalah aset paling berharga kepada republik itu.

Secara amnya, mungkin ramai yang beranggapan tidak ada apa yang tidak kena dengan perpindahan itu.

Namun jika dihalusi, ada sesuatu yang ingin dicapai oleh Singapura menerusi tindakan itu. Mungkin, ini adalah cara terbaik atau lebih tepat lagi 'cara halus' bagi republik itu mengambil semula tanah milik KTMB selepas sekian lama berjuang untuk mendapatkannya.

Jika tidak, mengapa media Singapura sengaja memperbesarkan isu itu termasuk mendakwa perkhidmatan kereta api dikenal pasti menjadi kaedah utama bekalan dadah masuk ke negara itu melalui Malaysia.

Keputusan Malaysia untuk terus berada di Tanjung Pagar menimbulkan masalah baru selepas Singapura membangkitkan satu perkara mengenai tafsiran perjanjian ketika pertemuan antara Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong di Langkawi pada September 1994.

Pendirian Malaysia yang tidak akan berpindah atau menjual tanah miliknya di Tanjung Pagar bukan perkara baru malah ia ditegaskan sejak lama dan beberapa kali.

Sebagai contoh, pada Januari 1995, selepas mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Timbalan Perdana Menteri Singapura, Brig Jen (B) Lee

Hsien Loong di pejabatnya, Anwar dilaporkan sebagai berkata, kerajaan tidak akan memindahkan Stesen KTMB di Tanjung Pagar kerana tidak ada keperluan mendesak untuk berbuat demikian.

Ini kerana perjanjian persefahaman yang ditandatangani kedua-dua negara pada 1990 menyatakan tanah yang menempatkan stesen itu boleh berada di situ selama mana diperlukan.

Diharapkan, Malaysia akan berpendirian tegas dalam menangani masalah itu seperti yang ditegaskan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, bahawa Malaysia tidak akan menjual tanah KTM di Tanjung Pagar meskipun kerajaan republik itu memindahkan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin ke Woodlands.

(END)